



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

JPPKK TANDATANGANI *LETTER OF INTENT* DENGAN UNIVERSITI BSTU RUSIA, PERKUKUH KERJASAMA TVET ANTARA DUA NEGARA

Langkawi, 11 November 2025 - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menandatangani *Letter of Intent* (LoI) dengan Belgorod State Technological University (BSTU), Rusia sempena Mesyuarat Ke-4 Suruhanjaya Bersama Malaysia–Rusia bagi Kerjasama Ekonomi, Saintifik, Teknikal dan Budaya yang berlangsung di Langkawi, baru-baru ini.

Dokumen tersebut telah ditandatangani oleh Dr. Shamsuri Abdullah, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bersama Prof. Sergey Nikolaevich Glagolev, Rektor BSTU, Rusia sambil disaksikan Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi menandakan satu lagi pencapaian penting dalam memperkukuh hubungan strategik antarabangsa JPPKK, khususnya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Melalui LoI ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk menjalin kerjasama strategik dalam pelbagai bidang termasuk pertukaran pelajar, tenaga akademik dan pakar teknikal, pelaksanaan penyelidikan serta latihan bersama, perkongsian maklumat dan amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran, serta pembangunan program akademik dan kurikulum yang selaras dengan keperluan industri dan teknologi semasa. Kerjasama ini turut membuka ruang kepada inisiatif lain yang dipersetujui bersama bagi memperkukuh kecemerlangan pendidikan dan hubungan dua hala antara JPPKK dan BSTU.

LoI ini menjadi rangka kerja penting untuk memupuk kerjasama yang tulen, berterusan dan saling menguntungkan antara JPPKK dan BSTU.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
11 November 2025**

LAMPIRAN BERGAMBAR

